

# FPSK UMS jayakan majlis khatan di Hospital Pitas

UB 19/12/19 4

**PITAS:** Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut sama menjayakan Majlis Berkhatan Beramai-ramai di Jabatan Pesakit Luar, Hospital Pitas baru-baru ini.

Program anjuran Hospital Pitas dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Perubatan Sabah (PERKIPS) itu merupakan acara tahunan PERKIPS, melibatkan pakar bedah dan pegawai perubatan dari Jabatan Pembedahan Am, Hospital Queen Elizabeth (HQE) dan FPSK.

Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pascasiswazah) FPSK UMS, Prof. Madya Dr. Mohd Firdaus Mohd. Hayati, yang merupakan wakil FPSK menyertai program itu berkata, program bertujuan memberi khidmat masyarakat kepada penduduk setempat.

“Dalam program ini turut diadakan ceramah Continuous Medical Education (CME) dan aktiviti Credential and Priviledging (C&P) kepada Pegawai Perubatan



**RAKAM KENANGAN:** Kakitangan FPSK UMS, Hospital Queen Elizabeth, Hospital Pitas dan wakil PERKIPS bersama-sama kanak-kanak yang menyertai majlis berkhatan.

dan Penolong Pegawai Perubatan di hospital dan klinik kesihatan sekitar Pitas.

“Ia bertujuan memberi maklumat yang tepat tentang teknik berkhatan berdasarkan garis panduan yang ditetapkan Kementerian Kesihatan,” katanya.

Menurutnya, kebanyakan

komplikasi seperti pen-darahan dan jangkitan ku-man adalah disebabkan oleh teknik dan prosedur tidak menepati garis panduan.

“Justeru dengan adanya aktiviti ini, kita harapkan Pegawai Perubatan dan Penolong Pegawai Perubatan di daerah Pitas dapat melakukan prosedur dengan selamat dan

komplikasi berkhatan dapat dielak,” katanya.

Majlis berkhatan itu di-sertai 60 kanak-kanak dari-pada pelbagai peringkat umur, dan turut dihadiri oleh Pengarah Hospital Pitas, Dr. Gerald Marcus dan Pengerusi PERKIPS cawangan Pitas, Awang Nasran Harun.